

01/05/2012

## Ekstasi RM8.4 juta dirampas

Oleh AZELI ALI

[azeli.ali@utusan.com.my](mailto:azeli.ali@utusan.com.my)



ZULKIFLI Yahya (tengah) bersama S. Batumalai (kanan) dan Yaacop Angah menunjukkan rampasan 133 bungkus berisi 134,000 pil ekstasi dari bilik rumah tumpangan, pada sidang akhbar di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam.

BUKIT MERTA JAM 30 April - Tiada siapa menyangka sebuah rumah tumpangan dua tingkat di Pulau Tikus, Pulau Pinang, yang begitu popular di kalangan pengunjung warga Indonesia di negeri ini sejak lima tahun lalu, sebenarnya turut dijadikan pusat penyimpanan dadah.

Kegiatan itu terbongkar apabila sepasukan anggota dan pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Narkotik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang menyerbu rumah tumpangan yang mempunyai enam bilik tersebut pada Khamis lalu.

Hasil pemeriksaan, sebanyak 133 bungkus berisi 134,000 pil disyaki ekstasi bernilai RM8.4 juta dijumpai di dalam sebuah bilik di rumah itu.

Pengarah JKDM negeri, Datuk Zulkifli Yahya berkata, operasi pukul 1 pagi hasil maklumat orang ramai itu turut melibatkan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri dan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kesemua pil tersebut ditemui disimpan di dalam sebuah kotak besar di sebuah bilik. Berikutan itu kita menahan seorang wanita Indonesia berusia 60-an yang bertanggungjawab mengurus rumah tersebut," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Hadir sama Ketua JSJN negeri, Supritendan S. Batumalai dan Penguasa Kanan SPRM, Yaacop Angah.

Tambah Zulkifli, wanita berkenaan ditahan reman selama tujuh hari sehingga 3 Mei ini bagi membantu siasatan.

Katanya, pihak JKDM dan polis masih menyiasat sama ada kes tersebut ada kaitan dengan kegiatan sindiket pengedaran dadah dan masih mengesan pihak lain yang disyaki terlibat.

Menurutnya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati.